

30/01/2002

Mata wang dinar sesuai di pasaran antarabangsa

PUTRAJAYA, Selasa - Penggunaan Dinar Islam untuk tujuan urus niaga, kemungkinan tidak boleh diguna pakai di pasaran tempatan bagi mengelakkannya menjejaskan ringgit Malaysia (RM).

Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu supaya mata wang berasaskan emas tulen itu hanya digunakan sebagai kaedah pembayaran Malaysia di pasaran antarabangsa bagi perdagangan dua hala atau pelbagai hala di antara negara.

Perdana Menteri memperakui idea memperkenalkan penggunaan Dinar Islam sebagai mata wang perdagangan utama dunia perlu tetapi mengambil pendirian berhati-hati supaya ia tidak melemahkan ringgit.

Perkara itu dinyatakan oleh Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan dalam pertemuannya dengan pakar dinar Islam, Rais Umar Ibrahim Vadilo yang juga Ketua Gerakan Murabitun Sedunia, di sini petang ini.

Rais Umar adalah juga Presiden Eksekutif dan Pengasas Islamic Mint iaitu pengeluar mata wang dinar berasaskan emas tulen yang berpangkalan di Sepanyol. Islamic Mint ditubuhkan pada 1990 untuk memperkenalkan kembali penggunaan mata wang dinar yang 100 peratus berasaskan emas serta dirham yang berasaskan perak selaras dengan tuntutan syariah Islam.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Rais Umar berkata Dr Mahathir amat berhati-hati terhadap penggunaan Dinar Islam tetapi mahukannya supaya penggunaan di dunia khususnya di dunia Islam diperluaskan.

"Dalam pertemuan itu, kami membincang pelaksanaan Dinar Islam dan keperluan mewujudkannya sebagai mata wang utama dunia bagi mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika dalam perdagangan antarabangsa.

"Perdana Menteri memperakui idea itu supaya ia menjadi mata wang universal untuk orang Islam, agar ia juga dapat menyatukan negara-negara Islam terutama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dengan penggunaan satu mata wang," katanya.

Hadir sama dalam pertemuan itu ialah Pengerusi Islamic Mint Sdn Bhd, Zaitoon Datuk Othman; ketua eksekutif merangkap pengarah urusannya, Dr Shamsudeen Yunus dan Ketua projek e-Qirad (perkhidmatan audit online) Wan Abdul Rahim Kamil. Qirad adalah pembiayaan berasaskan perkongsian keuntungan.

Rais Umar berada di sini untuk menasihati dan merancang seminar yang dicadangkan bagi mengkaji kemungkinan penggunaan Dinar Islam, Mac ini. Esok, beliau dijangka menyampaikan ceramah mengenai Dinar Islam di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Seminar itu dicadang oleh Dr Mahathir dalam pertemuannya dengan ahli falsafah Islam, Shaykh Abdalqadir As-Sufi, yang dikenali dengan usahanya menggerakkan penggunaan mata wang Islam, Ogos tahun lalu.

Dalam sidang akhbar selepas menghadiri sidang kemuncak kesembilan OIC, di Doha, Qatar, November 2000, Dr Mahathir menyarankan negara Islam mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam transaksi perdagangan bagi menyekat kenaikan nilai mata wang itu.

Kira-kira 80 peratus urusan perdagangan antarabangsa Malaysia kini dikendalikan dalam dolar Amerika, malah minyak diniagakan secara eksklusif menggunakan mata wang itu.

Rais Umar berkata, penggunaan Dinar Islam secara e-dinar online kini tumbuh pada purata kira-kira 20 peratus sebulan dan kini lebih 300,000 pemegang akaun Dinar Islam di 160 negara.

"e-dinar menyediakan kaedah pembayaran perdagangan ke negara lain yang  
urus niaganya cuma memakan masa beberapa saat," katanya.

Katanya, Malaysia boleh menggunakan Dinar Islam dalam pembayaran  
perdagangan antara negara tertentu yang selama ini menggunakan dolar  
Amerika.

"Oleh itu, apa yang perlu ialah untuk membawa masuk wang siling emas itu  
ke dalam negara, sementara kita melindungi ringgit kerana emas adalah  
lebih kuat memandangkan Dinar Islam adalah mata wang yang dibeli 100  
peratus dengan emas," katanya.

(END)